



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 9 TAHUN 2000

**PINDAAN HAD KELAYAKAN PINJAMAN
MEMBELI KERETA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM AM PERSEKUTUAN DAN PERKHIDMATAN POLIS**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kelayakan pinjaman membeli kereta pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Polis

2. PINDAAN JUMLAH KELAYAKAN PINJAMAN

- 2.1 Jumlah kelayakan pinjaman mengikut perenggan 2.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1996 adalah dipinda seperti berikut:

(i) Untuk Membeli Kereta	Had Pinjaman
(a) Jawatan-jawatan Utama dan Jawatan-jawatan Gred Khas atau Deputy Komisioner Polis hingga Ketua Polis Negara	RM60,000
(b) Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Asisten Superintenden Polis hingga Senior Asisten Komisioner Polis	RM55,000
(c) Kumpulan Sokongan atau Ketua Inspektor Polis dan ke bawah (Kelulusan Khas bagi gaji RM1,320 ke bawah)	RM45,000

(ii) Membeli Motosikal	RM 5,000
(iii) Membeli Motobot	RM 4,000
(iv) Membeli Enjin Motobot	RM 3,500
(v) Membeli Bot	RM 700
(vi) Membeli Basikal	RM 500


- 2.2 Perkataan RM1,200 sebulan di perenggan 2.2 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 Tahun 1996 adalah dipinda kepada RM1,320 sebulan.

3. SYARAT-SYARAT PINJAMAN

- 3.1 Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik sebanyak yang sama jumlahnya pada tiap-tiap bulan:
- (a) Bagi kereta baru tidak melebihi 96 bulan;
 - (b) Bagi kereta yang sudah terpakai tidak melebihi 84 bulan
- 3.2 Jadual bayaran balik adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.3 Lain-lain syarat pinjaman sama seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 1993, 8/1993, 4/1994, 5/1994 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1996.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa pada 2 Januari 2001.


(Dato' Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

8 Disember 2000

LAMPIRAN 'A'

**JADUAL BAYARAN BALIK BULANAN PINJAMAN
DAN BAYARAN PERKHIDMATAN BAGI PINJAMAN BIASA
ATAU JUMLAH KEUNTUNGAN MENGIKUT PRINSIP
AL-BAI' BITHAMAN AJIL**

Tempoh Pinjaman Tahun	Bayaran balik Bulanan bagi Tiap-tiap RM1,000
1	85.15
2	43.42
3	29.52
4	22.58
5	18.42
6	15.65
7	13.67
8	12.19